72-74 Dasar Monetari pada Tahun 2002
74-81 Perkembangan Monetari pada Tahun 2002
81-83 Perkembangan Kadar Pertukaran Mata Wang
83-93 Dasar Fiskal dan Operasi

Perkembangan Monetari dan Fiskal

Perkembangan Monetari dan Fiskal

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2002

Pada tahun 2002, dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong pemulihan ekonomi. Pada tahun ini, dasar monetari telah berkesan dalam menyokong permintaan dalam negeri. Kadar faedah yang rendah telah menjadi pendorong bagi permintaan pengguna untuk kekal tinggi dan untuk rangsangan fiskal mencapai kesan yang dikehendaki, dan dengan itu menyumbang dengan berkesan kepada pertumbuhan lebih kukuh dalam permintaan dalam negeri pada tahun 2002. Pertumbuhan telah dicapai dengan kadar inflasi kekal rendah pada 1.8% dan inflasi teras pada 0.4%.

Asas sebenar dasar monetari untuk menyokong pemulihan ekonomi telah diwujudkan melalui langkah-langkah monetari yang telah dilaksanakan sejak bulan Ogos 1998. Pada awal tahun 2002, kadar faedah telah pun berada pada paras yang paling rendah dalam sejarah, hasil daripada penurunan agresif kadar faedah sebanyak 600 mata asas sepanjang tempoh 1998-2001. Pada bulan September 2001, Kadar Campurtangan dasar diturunkan sebanyak 50 mata asas, sebagai langkah awalan untuk menangani risiko yang semakin meningkat terhadap pertumbuhan ekonomi yang bertambah lemah. Pada tahun 2002, kadar dasar kekal tidak berubah. Kesan positif daripada pelonggaran monetari secara kumulatif, kadar inflasi yang rendah, kestabilan yang diberikan oleh kadar pertukaran tetap, pulangan benar positif bagi pendeposit serta perbezaan kadar faedah positif yang memihak kepada Malaysia telah membolehkan dasar monetari mencapai objektifnya bagi mengukuhkan permintaan dalam negeri. Memandangkan kadar faedah yang rendah telah menyokong pertumbuhan dalam permintaan domestik, langkah-langkah bagi tahun 2002 menjurus ke arah mempertingkatkan kemudahan pembiayaan kepada perusahaan perniagaan dan perniagaan kecil.

Dasar monetari yang akomodatif menyumbang kepada peningkatan dalam permintaan domestik.

Tahun 2002 bermula dengan anggapan agak optimis bahawa kadar pemulihan dan pertumbuhan akan menjadi semakin kukuh pada awal tempoh tahun ini. Unjuran bagi ekonomi dunia juga semakin baik. Penilaian menunjukkan bahawa dasar-dasar di beberapa negara maju utama akan menyokong pemulihan ekonomi dunia, terutamanya dalam mengukuhkan keyakinan pengguna dan peniaga. Dasar menyokong pertumbuhan, harga minyak yang rendah dan penyelarasan inventori yang berterusan dalam pasaran dunia dijangka akan mengukuhkan lagi prestasi ekonomi di beberapa buah negara maju yang utama. Di sebalik perkembangan luar negara yang semakin baik, ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2002, disokong oleh keutuhan permintaan dalam negeri dan pemulihan bagi eksport. Dengan kitar pemulihan di Malaysia masih berada di tahap permulaan, dasar monetari kekal akomodatif dan terus menyokong agar pertumbuhan ekonomi kekal mapan.

Pada tempoh berikutnya, kebimbangan baru telah muncul mengenai sama ada pemulihan ekonomi dunia yang lebih kukuh pada separuh kedua tahun akan menjadi kenyataan. Keyakinan telah terjejas dengan ketara, disebabkan oleh keuntungan korporat yang lemah, salah laku korporat berprofil tinggi di Amerika Syarikat dan meningkatnya ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Di sebalik meningkatnya ketidaktentuan bagi pemulihan dan prospek pertumbuhan ekonomi dunia, pasaran ekuiti antarabangsa terus merosot dan mengalami kerugian besar, sementara kemudahubahan di pasaran kewangan antarabangsa telah meningkat. Pihak *Federal Reserve Board dan European Central Bank* telah menurunkan kadar faedah mereka sebanyak 50 mata asas pada suku keempat bagi mengembalikan keyakinan dan sokongan ke atas proses pemulihan. Penyelarasan langkah-langkah dasar di kalangan negara-negara utama dan keutuhan bagi perbelanjaan pengguna di Amerika Syarikat telah mengembalikan tanggapan bahawa pemulihan akan berlaku, sungguhpun pemulihan tersebut lebih lemah daripada apa yang dijangkakan sebelum ini. Di kalangan negara di rantau Asia, momentum pertumbuhan ekonomi terus meningkat, disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan meningkatnya prestasi dan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam dagangan antara rantau.

Di sebalik persekitaran ini, Kadar Campurtangan 3 bulan, yang merupakan kadar dasar bagi Bank

Negara Malaysia, kekal tidak berubah pada separuh kedua tahun ini. Ianya telah didokong oleh beberapa pertimbangan. Kadar faedah sedia ada dan mudah tunai yang lega serta langkah-langkah untuk memperbaiki akses kepada pembiayaan telah berkesan dalam meningkatkan permintaan dalam negeri. Pada tahun ini, penunjuk permintaan seperti permohonan pinjaman, kelulusan pinjaman dan pengeluaran pinjaman telah meningkat dengan ketara. Mudah tunai yang lega dalam sistem dan persaingan bagi pinjaman baru juga telah menyebabkan bank memberi pinjaman dengan kadar faedah di bawah paras BLR bagi beberapa kategori pinjaman terutamanya bagi rumah kediaman dan barangan pengguna. Dengan matangnya deposit berkos tinggi dan lebih penting lagi penyelarasan harga bagi pinjaman baru dalam persekitaran yang kompetitif dengan lebihan mudah tunai telah mengakibatkan penurunan dalam purata kadar berian pinjaman bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan. Ianya telah mengurangkan keperluan bagi melegakan lagi dasar monetari untuk terus merangsang aktiviti ekonomi.

Mencerminkan teras dasar monetari, hampir kesemua kadar faedah kekal tidak berubah, kecuali purata kadar berian pinjaman (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan, yang telah turun pada tahun ini. Sungguhpun kadar faedah deposit hampir tidak berubah daripada paras yang dicatat pada akhir tahun 2001, pendeposit terus menikmati pulangan benar positif daripada deposit mereka berikutan kadar inflasi yang kekal rendah. Tambahan pula, beberapa golongan, individu dan organisasi yang pendapatan mereka bergantung kepada pulangan daripada deposit bank, telah menikmati pulangan yang lebih tinggi dengan memegang Bon Simpanan Malaysia. Bank Negara Malaysia telah menerbitkan siri ketiga Bon Simpanan Malaysia bernilai RM1 bilion pada 2 Februari 2002 dengan tempoh matang dua tahun, yang menawarkan pulangan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 5%.

Menyedari peranan penting yang dimainkan oleh perniagaan kecil sebagai sumber dinamis dan daya penggerak pada masa hadapan kepada ekonomi yang lebih meluas dan utuh, tumpuan khas telah diberi untuk memperbaiki akses kredit kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan peminjam kecil dalam sektor pertumbuhan baru. Pada bulan Oktober 2002, penambahan dana masing-masing sebanyak RM250 juta telah diperuntukkan kepada dua tabung khas, iaitu Tabung untuk Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Tabung Usahawan Baru 2. Bank Negara Malaysia juga mengadakan beberapa dialog bersama institusi perbankan mengenai peluang-peluang perniagaan yang boleh diterokai dalam sektor-sektor pertumbuhan baru.

Sebagai sebahagian daripada usaha bersepadu untuk merealisasikan potensi sebenar PKS dalam mencapai objektif Malaysia, Bank Negara Malaysia telah menjalankan kaji selidik ke atas PKS melalui sistem perbankan. Pangkalan data yang diperoleh telah dijadikan asas dalam penyediaan rangka kerja komprehensif bagi pembangunan PKS. Saranan-saranan yang dikemukakan tidak hanya tertumpu kepada isu akses pembiayaan tetapi juga mengutarakan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan lagi keupayaan teknologi, latihan, akses kepada perkhidmatan nasihat, saluran pemasaran dan pengurusan di kalangan PKS. Sebuah Jawatankuasa Pemandu bagi PKS yang dipengerusikan oleh Gabenor, Bank Negara Malaysia, telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2002 untuk memantau pelaksanaan fasa pertama saranan-saranan yang terkandung dalam rangka kerja tersebut. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada Ketua-ketua Setiausaha bagi Kementerian-kementerian yang terlibat di dalam pembangunan PKS.

Kos meminjam yang rendah dan akses pembiayaan yang bertambah baik merupakan faktor pendorong yang penting dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Ia telah membolehkan syarikat-syarikat untuk membiayai semula hutang mereka yang lebih mahal, melakukan aktiviti penstrukturan semula hutang dan mengurangkan beban perkhidmatan hutang. Kos yang lebih rendah dan tempoh bayar balik yang lebih panjang telah menyokong dengan kukuhnya pertumbuhan permintaan dalam negeri, dalam persekitaran pendapatan boleh guna isi rumah yang semakin meningkat. Pada tahun 2002, jumlah pembiayaan kasar yang disalurkan oleh sistem perbankan dan dana yang diperoleh daripada pasaran modal mengembang sebanyak 9.9%, berbanding 5.8% pada tahun 2001. Perkembangan yang lebih menggalakkan ialah akses pembiayaan daripada sistem perbankan kepada peminjam-peminjam kecil terus meningkat. Pinjaman bersaiz kurang daripada RM500,000 telah berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 13.8% pada tahun 2002. Baki pinjaman kurang daripada RM100,000 dan antara RM100,000 dan RM500,000 telah berkembang pada kadar yang lebih pesat, iaitu masing-masing sebanyak 15% dan 12% pada akhir tahun 2002. Pinjaman kecil kurang daripada

RM100,000 yang disalurkan kepada perniagaan berkembang pada kadar yang lebih pesat pada tahun ini, iaitu sebanyak 17.8%.

Walaupun permintaan kredit meningkat, mudah tunai dalam pasaran kekal lega. Dengan aliran masuk dagangan dan pelaburan yang lebih tinggi, pertumbuhan dalam pinjaman dan operasi Kerajaan yang mengembang untuk membiayai program rangsangan fiskal, telah menyumbang kepada pertumbuhan M3 sebanyak 6.7% pada akhir tahun 2002. Dalam mengurus paras mudah tunai bagi memastikan kadar faedah kekal pada paras yang rendah, Bank Negara Malaysia telah menyerap sebanyak RM18.5 bilion lagi lebihan mudah tunai daripada sistem perbankan pada tahun ini. Sebahagian besar daripada operasi mudah tunai dilakukan melalui pinjaman terus daripada pasaran, dan juga melalui penerbitan Bil Bank Negara. Pada akhir tahun 2002, jumlah bersih dana yang diserap oleh Bank Negara Malaysia berjumlah RM64.6 bilion.

negara yang rendah dan sistem perbankan yang lebih kukuh.

PERKEMBANGAN MONETARI PADA TAHUN 2002

Keadaan monetari terus menyokong perkembangan ekonomi yang lebih tinggi. Keadaan lebihan mudah tunai berterusan pada sepanjang tahun 2002. Lebihan mudah tunai daripada tahun lepas telah ditambah oleh mudah tunai baru yang berpunca daripada sumber luar dan dalam negeri. Bank Pusat telah menyerap kuantiti mudah tunai yang besar daripada sistem pada sebahagian besar tahun ini untuk memastikan kadar faedah stabil. Dalam keadaan lebihan mudah tunai dan kadar faedah yang rendah, permintaan untuk pinjaman dan aktiviti berian pinjaman bank meningkat. Peningkatan dalam pinjaman isi rumah yang dicatat sejak tahun 1999 diteruskan pada tahun 2002. Perkembangan yang lebih menggalakkan dalam peningkatan pembiayaan sistem perbankan ialah


Keadaan monetari terus menyokong perkembangan ekonomi yang lebih tinggi. Dalam keadaan mudah tunai yang lega dan kadar faedah yang rendah, aktiviti pinjaman bank telah berkembang. Khususnya, sebahagian besar daripada kredit telah diberikan kepada perniagaan-perniagaan kecil.

Rangka kerja monetari pada tahun 2002 terus beroperasi di bawah rejim kadar pertukaran tetap. Nilai ringgit kekal ditetapkan pada RM3.80=AS$1, peraturan yang telah dilaksanakan sejak bulan September 1998. Pelaksanaan rejim pertukaran tetap terus menyediakan persekitaran yang pasti dan stabil, dan sekaligus memudahkan perancangan, pelaburan dan keputusan menetapkan harga bagi menyokong aktiviti ekonomi. Dalam persekitaran semasa di mana pasaran kewangan antarabangsa adalah volatil, kadar pertukaran tetap telah mengurangkan kerugian kecekapan dan kos-kos lain yang berkaitan ketidaktentuan kadar pertukaran dan justeru itu, menguntungkan perdagangan dan pelaburan. Kadar pertukaran yang stabil, di samping kadar faedah yang rendah telah menghasilkan persekitaran yang sesuai bagi penyusunan semula yang lebih cekap dan berkesan bagi sistem perbankan dan sektor korporat.


Kadar tetap ringgit terus didokong oleh asas makroekonomi yang kukuh. Risiko bagi ketidaksepadanan adalah minima, memandangkan kadar pertukaran terus disokong oleh kadar inflasi yang rendah, lebihan akaun semasa yang kukuh, paras rizab antarabangsa yang tinggi, hutang luar

pertumbuhan ketara dalam pinjaman yang dikeluarkan kepada perusahaan perniagaan. Mencerminkan langkah-langkah proaktif untuk menggalakkan berian pinjaman terutamanya kepada perniagaan kecil, pinjaman kepada kumpulan ini juga meningkat pada tahun 2002. Pembiayaan yang lebih

Graf 2.1
Kadar Faedah Antara Bank (purata bulanan)



Graf 2.2
Kadar Deposit Institusi Perbankan




tinggi di samping operasi Kerajaan dan operasi luar negeri yang mengembang telah menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih kukuh dalam kesemua agregat kewangan pada tahun 2002.

Pada tahun ini, kadar dasar, iaitu kadar teras dalam pengiraan kadar berian pinjaman asas (BLR), kekal tidak berubah pada 5%. Dengan itu, BLR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah masing-masing pada 6.39% dan 7.45%. Begitu juga, kadar faedah di pasaran antara bank secara relatifnya kekal stabil, dengan kadar faedah purata antara bank bagi wang semalaman hingga 3 bulan berada antara 2.71-3.13% pada akhir tahun 2002 (2.76-3.27% pada akhir tahun 2001). Kadar purata deposit tetap yang ditawarkan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan juga tidak berubah, berada antara 3.2-4% bagi deposit dengan tempoh matang 3 hingga 12 bulan. Walau bagaimanapun, kadar deposit simpanan bagi kedua-dua bank perdagangan dan syarikat kewangan turun sedikit, masing-masing kepada 2.12% dan 2.65% pada akhir tahun 2002 (2.28% dan 2.94% pada akhir tahun 2001). Dengan kadar inflasi yang rendah yang berpurata 1.8% pada tahun ini, pendeposit terus menikmati pulangan benar yang positif, antara 1.4-2.2% untuk deposit tetap dan 0.32% bagi deposit simpanan. Hasilnya, jumlah deposit yang diperoleh institusi perbankan terus berkembang dan kekal tinggi, meningkat RM25.5 bilion atau 5.3% pada tahun 2002 (1.8% pada tahun 2001).


Perbandingan antarabangsa bagi kadar faedah nominal menunjukkan bahawa perbezaan kadar antara bank 3 bulan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat terus memihak kepada Malaysia. Perbezaan tersebut, yang bertukar arah untuk memihak kepada Malaysia sejak bulan September 2001, semakin melebar kepada 175 mata asas (+139 mata asas pada akhir tahun 2001), hasil daripada penurunan kadar faedah Amerika Syarikat sebanyak 50 mata asas pada bulan November 2002. Perbandingan dengan kadar faedah di Singapura juga menunjukkan bahawa perbezaan kadar faedah terus memihak kepada Malaysia, meningkat kepada 238 mata asas pada akhir tahun 2002 (+224 mata asas

Graf 2.3
Perbezaan Kadar Faedah Nominal*



* Kadar faedah antara bank 3-bulan

Graf 2.4
Perbezaan Kadar Faedah Nominal*




* Kadar faedah antara bank 3-bulan


pada akhir tahun 2001). Perbandingan dengan United Kingdom dan Australia menunjukkan, kadar faedah memihak kepada kedua-dua negara tersebut, masing-masing sebanyak 89 mata asas dan 162 mata asas pada akhir tahun 2002.

Walaupun kadar faedah antara bank dan deposit kekal stabil, purata kadar berian pinjaman terus menunjukkan arah aliran menurun. Keadaan mudah tunai yang lega telah mengakibatkan persaingan yang sengit di kalangan bank perdagangan dan syarikat kewangan. Dalam persekitaran yang lebih kompetitif, bank terus memberi pinjaman dengan kadar faedah di bawah paras BLR bagi beberapa kategori pinjaman, terutamanya pinjaman untuk pembelian rumah kediaman. Oleh itu, kadar berian pinjaman asas merupakan paras tertinggi yang ditawarkan oleh pihak bank, dan ia tidak menunjukkan kadar terbaik yang dikenakan kepada pelanggan utama. Dengan pinjaman baru secara perlahan-lahan menggantikan pinjaman yang berkos lebih tinggi, kadar purata berian pinjaman (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan terus menurun. ALR bagi bank perdagangan turun sebanyak 17 mata asas kepada 6.5%, manakala bagi syarikat kewangan pula, penurunan lebih ketara iaitu sebanyak 49 mata asas kepada 9.75%. Penurunan yang besar dalam ALR bagi syarikat kewangan disebabkan sebahagian besar pinjaman telah ditetapkan pada kadar sewa beli, yang telah turun dengan ketara sehingga 4% pada tahun 2002 berbanding 6% hingga 8% sebelum ini. Berikutan kadar berian pinjaman yang lebih rendah di samping BLR yang stabil, jurang antara ALR dan BLR mengecil sebanyak 11 mata asas pada akhir tahun 2002 bagi bank perdagangan dan 230 mata asas bagi syarikat kewangan (tahun 2001: 28 mata asas bagi bank perdagangan dan 279 mata asas bagi syarikat kewangan).

Graf 2.5
Kadar Berian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan




Graf 2.6
Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Mencerminkan permintaan untuk dana berikutan pemulihan dalam aktiviti ekonomi dan kos pinjaman yang rendah, dana kasar yang diperoleh daripada sistem perbankan dan pasaran modal meningkat dengan ketara sebanyak 9.9%, melebihi pertumbuhan purata sebanyak 5.1% yang dicatatkan pada tempoh 1998-2001. Peningkatan lebih menggalakkan dicatat oleh sektor perbankan. Permohonan dan kelulusan yang dikeluarkan oleh institusi perbankan pulih pada tahun 2002, dengan mencatat peningkatan yang kukuh masing-masing sebanyak 14.1% dan 9.7% pada tahun 2002 berbanding pertumbuhan negatif, masing-masing sebanyak 8.7% dan 6.8% pada tahun 2001. Daripada segi nilai, permohonan dan kelulusan pinjaman mencatatkan tahap yang tertinggi dalam tempoh lima tahun. Peningkatan dalam kelulusan pinjaman menyebabkan kenaikan yang sejajar dalam pengeluaran pinjaman, yang meningkat sebanyak 10.3% pada tahun 2002, berbanding 3.5% pada tahun 2001. Daripada segi nilai, pinjaman yang

Graf 2.7
Penunjuk Pinjaman (RM bilion)



Jadual 2.1
Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman

	RM bilion						Pertumbuhan tahunan (%)	
	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2001	2002
Jumlah								
Permohonan pinjaman	250.6	88.3	128.2	208.8	190.6	217.5	-8.7	14.1
Kelulusan pinjaman	212.5	66.6	104.3	134.8	125.6	137.9	-6.8	9.7
Pengeluaran pinjaman	338.5	250.9	318.1	360.7	373.5	412.0	3.5	10.3
Pembayaran balik pinjaman	267.4	270.3	332.7	347.1	365.4	402.7	5.3	10.2
Pinjaman yang belum dijelaskan	89.2	5.4	0.6	23.6	16.5	20.1	3.6	4.3
di antaranya:								
Perusahaan perniagaan								
Permohonan pinjaman	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	135.2	t.d.	t.d.
Kelulusan pinjaman	161.0	46.6	61.4	79.1	63.5	68.5	-19.7	7.9
Pengeluaran pinjaman	278.3	211.1	256.4	270.2	270.4	282.2	0.1	4.3
Pembayaran balik pinjaman	221.9	227.6	269.4	269.4	276.8	275.6	2.8	-0.4
Pinjaman yang belum dijelaskan	50.6	2.9	5.7	4.2	-5.4	-2.9	-2.1	-1.1
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	77.8	t.d.	t.d.
Kelulusan pinjaman	43.0	16.3	39.8	53.1	59.2	67.2	11.5	13.5
Pengeluaran pinjaman	46.8	30.8	49.5	76.0	87.0	105.4	14.5	21.1
Pembayaran balik pinjaman	35.8	34.1	50.6	65.1	71.5	83.9	9.9	17.3
Pinjaman yang belum dijelaskan	32.0	-5.1	4.1	17.3	23.3	26.3	14.8	14.5

t.d. Tidak diperolehi.


dikeluarkan pada tahun 2002 berjumlah RM412 bilion, iaitu tahap tertinggi yang dicapai sejak tahun 1997.

Berian pinjaman kepada perusahaan perniagaan pulih untuk meningkat 7.9% pada tahun 2002, berbanding pertumbuhan negatif sebanyak 19.7% pada tahun 2001 berikutan pemulihan dalam aktiviti perniagaan. Pengeluaran pinjaman juga meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 4.3% pada tahun ini (0.1% pada tahun 2001). Analisa daripada segi arah berian pinjaman menunjukkan bahawa pengeluaran pinjaman adalah menyeluruh, dan disalurkan terutamanya kepada sektor-sektor perkilangan (25.6% daripada jumlah pengeluaran pinjaman), perdagangan borong dan runcit (15.7%), pembinaan (7.3%) dan perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (5.8%).

Perkembangan yang menggalakkan ditunjukkan oleh pengagihan pinjaman yang lebih tinggi kepada perniagaan kecil pada tahun ini. Selepas mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 9.1% pada tempoh 1998-2001, pinjaman yang diberikan kepada perusahaan perniagaan yang bersaiz kurang daripada RM500,000 meningkat 4.7% pada tahun 2002. Khususnya, pinjaman kepada perusahaan perniagaan yang bersaiz kurang daripada RM100,000 meningkat pada kadar dua angka, iaitu sebanyak 17.8%, berbanding pertumbuhan negatif sebanyak 12.9% pada tempoh 1998-2001. Berian pinjaman kepada PKS yang bertambah baik

Permohonan dan kelulusan pinjaman oleh institusi perbankan pulih pada tahun 2002 untuk meningkat dengan kukuh masing-masing sebanyak 14.1% dan 9.7%. Daripada segi nilai, permohonan dan kelulusan pinjaman mencatatkan tahap tertinggi dalam tempoh lima tahun, sementara jumlah pinjaman yang dikeluarkan pada tahun 2002 berjumlah RM412 bilion, iaitu tahap tertinggi yang dicapai sejak tahun 1997.

Graf 2.8
Pengeluaran Pinjaman pada tahun 2002



Jadual 2.2
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman yang Belum Dijelaskan mengikut Sektor

	Perubahan		% bahagian daripada jumlah
	2001	2002	
	RM bilion		
Pinjaman sistem perbankan kepada:			
Perusahaan perniagaan	-5.4	-2.9	51.4
Isi rumah	23.3	26.3	42.2
Mengikut sektor:			
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	0.4	-0.1	2.5
Perlombongan dan kuari	-0.2	-0.3	0.3
Perkilangan	0.1	-1.3	13.7
Bekalan elektrik, gas dan air	-2.5	1.6	1.4
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	0.4	1.0	8.0
Sektor harta benda yang luas	12.3	11.0	38.0
Pembinaan	*-1.2*	*-1.5*	*7.8*
Pembelian rumah kediaman	*12.8*	*14.2*	*20.6*
Pembelian rumah bukan kediaman	*0.3*	*...*	*6.0*
Harta tanah	*0.5*	*-1.6*	*3.5*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	-1.7	-0.4	2.4
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	0.7	-2.5	6.7
Kredit penggunaan	9.6	12.1	16.6
di antaranya:			
Kad kredit	*1.4*	*1.8*	*2.2*
Pembelian kereta penumpang	*8.0*	*9.6*	*11.2*
Pembelian sekuriti	-3.3	0.2	6.2
Pembelian kereta pengangkutan	1.9	-0.5	0.6
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	...	-0.4	1.2
Lain-lain	-1.3	-0.4	2.3
Jumlah pinjaman yang belum dijelaskan[2]	**16.5**	**20.1**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

mencerminkan beberapa langkah yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk mengatasi masalah keperluan pembiayaan PKS, termasuk penubuhan unit PKS di institusi-institusi perbankan, peningkatan peranan CGC dalam membantu PKS untuk mendapatkan pembiayaan daripada bank dan meningkatkan peruntukan tabung-tabung khas, iaitu Tabung untuk Makanan, Tabung Usahawan Baru 2, Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2, Tabung Projek Usahawan Bumiputera, Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana, dan Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan. Jumlah kelulusan di bawah tabung-tabung ini berjumlah RM1.6 bilion pada tahun 2002, iaitu tahap tertinggi yang dicatat sejak tahun 1996. Kadar penggunaan tabung-tabung ini, yang diukur dengan mengambil nisbah jumlah kelulusan berbanding jumlah peruntukan, telah meningkat dengan ketara daripada 62% pada akhir tahun 2001 kepada 97% pada akhir tahun 2002. Khususnya, beberapa tabung, iaitu Tabung Usahawan Baru 2 dan Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 mencatatkan kadar penggunaan lebih daripada 100%.

Meskipun aktiviti perniagaan yang semakin pulih ditunjukkan oleh permohonan, kelulusan serta pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi, baki pinjaman yang belum dijelaskan yang diberikan kepada perusahaan perniagaan telah turun. Ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, penurunan ini mencerminkan aktiviti penstrukturan dan pembiayaan semula, yang menyebabkan sama ada pinjaman ini dihapus kira oleh institusi perbankan, atau dibiayai semula melalui pasaran bon atau ditukar kepada ekuiti. Pada tahun 2002, jumlah pinjaman yang dihapus kira, ditukar kepada ekuiti dan dibiayai semula melalui pasaran bon kekal tinggi, iaitu sebanyak RM12.4 bilion (RM8.3 bilion pada tahun 2001). Kedua, perkembangan yang sejajar ditunjukkan oleh penurunan dalam pinjaman berjangka panjang yang diperoleh daripada institusi perbankan. Nisbah pinjaman berjangka panjang (dengan kematangan lebih daripada satu tahun) yang diberi kepada perusahaan perniagaan merosot daripada 32% pada akhir tahun 1996 kepada 27% pada akhir tahun 2002, sebahagiannya disebabkan oleh keadaan kapasiti yang berlebihan yang telah juga menyederhanakan permintaan untuk pinjaman berjangka panjang. Sebahagian besar daripada pinjaman baru yang diperoleh perusahaan perniagaan adalah untuk memenuhi keperluan modal kerja jangka pendek, yang telah menyumbang kepada pengeluaran pinjaman yang tinggi dan hasil daripada itu, bayaran balik pinjaman yang tinggi. Tambahan lagi, dalam suasana kadar faedah yang rendah, keadaan aliran tunai perusahaan perniagaan

Jadual 2.3
Sistem Perbankan: Pinjaman Bersaiz Kecil kepada Perusahaan Perniagaan


	Perubahan		Pertumbuhan tahunan		% bahagian daripada jumlah pinjaman	
	2001	2002	2001	2002		
	RM bilion		%		2001	2002
Pinjaman kepada perusahaan perniagaan bersaiz:						
Kurang daripada RM500,000	**-1.1**	**2.5**	**-10.0**	**4.7**	**12.3**	**12.3**
Kurang daripada RM100,000	*-3.6*	*3.4*	*-15.7*	*17.8*	*4.4*	*5.0*
RM100,000 - RM500,000	*2.5*	*-0.9*	*7.9*	*-2.7*	*7.9*	*7.3*

Jadual 2.4
Status Tabung-Tabung Khas Terpilih

	Kelulusan				Kadar penggunaan		Pengeluaran			
	Jumlah pada akhir tahun		Perubahan				Jumlah pada akhir tahun		Perubahan	
	2001	2002	2002		2001	2002	2001	2002	2002	
	RM juta		RM juta	%	%		RM juta		RM juta	%
Tabung untuk Makanan	1,025	1,296	271	26.4	78.8	99.7	923	1,124	202	21.9
Tabung Usahawan Baru 2	176	652	476	270.1	70.5	130.4	66	326	260	396.6
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	357	1,049	692	193.6	89.3	161.4	211	510	299	141.5
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	177	317	140	78.4	59.2	105.6	122	257	135	110.6
Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana	280	323	43	15.2	56.0	64.5	257	284	27	10.3
Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan	-	2	2	-	-	0.4	-	1	1	-
Jumlah	**2,016**	**3,638**	**1,622**	**80.5**	**62.0**	**97.0**	**1,579**	**2,503**	**924**	**58.5**

yang bertambah baik memberikan mereka fleksibiliti untuk mengurangkan perbelanjaan operasi dengan mendapatkan pinjaman bank yang berjangka pendek pada kos pembiayaan yang lebih murah. Ketiga, kajian arah aliran yang dibuat sejak tahun 1998, menunjukkan bahawa sektor swasta mula beralih kepada pasaran bon untuk mendapatkan pembiayaan bagi projek berjangka panjang terutamanya projek infrastruktur dan sebahagian daripadanya diperolehi dari Bank Pembangunan dan Infrastruktur. Dalam tempoh empat tahun, peratus bahagian pembiayaan melalui pasaran bon kepada jumlah pembiayaan yang diperoleh daripada sistem perbankan dan pasaran bon meningkat kepada 17% pada akhir tahun 2002 (10% pada akhir tahun 1996). Daripada jumlah KDNK, bahagiannya meningkat kepada 28%, daripada 13% pada tahun 1996. Berdasarkan faktor-faktor ini, data mengenai baki pinjaman perusahaan perniagaan yang belum dijelaskan dan data-data lain yang berkenaan termasuk nisbah pinjaman/deposit (84.9 pada tahun 2002; 85.9 pada tahun 2001) tidak mencerminkan sepenuhnya aktiviti pembiayaan dalam ekonomi untuk memenuhi permintaan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

Graf 2.9
Nisbah Pinjaman-Deposit dan Pertumbuhan KDNK Nominal



Selaras dengan pertumbuhan yang kukuh dalam penggunaan swasta, pembiayaan kepada sektor isi rumah oleh sistem perbankan terus kekal mapan pada tahap yang tinggi. Kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah terus meningkat pada kadar dua angka masing-masing sebanyak 13.5% dan 21.1% (11.5% dan 14.5% pada tahun 2001). Permohonan daripada sektor isi rumah mencakup 35.8% daripada jumlah permohonan yang diterima, sebahagian besarnya untuk pembelian rumah dan kereta. Daripada jumlah yang diluluskan untuk sektor isi rumah, 43.5% adalah untuk pinjaman perumahan, 33.7% untuk pembiayaan kereta, 16.9% untuk kredit penggunaan. Yang paling ketara, pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar yang lebih pesat (21.1%) berbanding bayaran balik pinjaman (17.3%). Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dibandingkan dengan bayaran balik pinjaman menghasilkan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam baki pinjaman sektor isi rumah yang belum dijelaskan, iaitu sebanyak 14.5%. Dalam kategori ini, pinjaman untuk pembelian

Jadual 2.5
Penyelarasan Pinjaman yang Belum Dijelaskan

	Pada tempoh		Pertumbuhan tahunan
	2001	2002	2002
	RM bilion		%
Perubahan dalam pinjaman yang belum dijelaskan[1]	**16.5**	**20.1**	**4.3**
Dicampur:			
Pinjaman yang ditukar kepada ekuiti	2.7	2.4	
Pinjaman yang dibiayai semula melalui pasaran bon	0.7	1.0	
Pinjaman yang dihapus kira	4.9	9.0	
Jumlah pinjaman yang diselaraskan	**24.8**	**32.5**	**5.0**

[1] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta.

rumah dan kereta meningkat masing-masing sebanyak 16.3% dan 21.2%, menaikkan peratus bahagian pinjaman perumahan dan kereta masing-masing kepada 20.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan 11.2% pada akhir tahun 2002 (18.5% dan 9.7% pada akhir tahun 2001). Termasuk kredit penggunaan, baki pinjaman sektor isi rumah yang belum dijelaskan mencakup sebanyak 42.2% daripada jumlah pinjaman.


Pinjaman isi rumah yang semakin meningkat terus disokong oleh kenaikan dalam pendapatan boleh guna berikutan aktiviti ekonomi dalam kesemua sektor yang secara keseluruhannya bertambah baik serta hasil yang diperoleh berikutan harga komoditi yang lebih tinggi. Kadar simpanan isi rumah yang tinggi dan prospek guna tenaga yang stabil memperkukuhkan lagi kapasiti isi rumah untuk mengumpul hutang tambahan tanpa sebarang risiko. Walaupun terdapat peningkatan dalam pinjaman isi rumah, hutang tidak berbayar (NPL) isi rumah mencakup bahagian yang lebih rendah daripada jumlah NPL (26% berbanding 32.7% pada akhir tahun 1997). Kadar mungkir untuk isi rumah kekal terurus pada 9% daripada jumlah pinjaman. Begitu juga, peningkatan dalam amalan pengurusan risiko dan dengan adanya profil kredit peminjam dalam sistem perbankan melalui Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS) membolehkan institusi perbankan mengurus peningkatan pinjaman dalam sektor ini dengan lebih berkesan.

Aktiviti ekonomi yang lebih baik turut dicerminkan oleh pertumbuhan kesemua agregat monetari, M1, M2 dan M3 yang meningkat kukuh masing-masing sebanyak 10.3%, 5.8% dan 6.7% pada akhir tahun 2002.

Jadual 2.6
Wang Secara Luas, M3

	Perubahan (RM bilion)	
	2001	2002
M3	13.0	31.6
Mata wang	-0.1	1.8
Deposit permintaan	2.9	6.7
Separuh wang secara luas	10.2	23.1
Deposit tetap	-0.4	12.6
Deposit tabungan	4.5	5.6
NID	0.6	3.6
Repo	4.2	2.5
Deposit mata wang asing	1.3	-1.2
Faktor Penentu M3		
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.5	11.7
Tuntutan ke atas sektor swasta	20.3	26.2
Pinjaman	17.1	19.6
Sekuriti	3.3	6.7
Operasi luar bersih	6.7	1.2
Bank Negara Malaysia	7.7	7.6
Sistem perbankan	-1.0	-6.5
Pengaruh lain	-12.5	-7.5

Graf 2.10
Bekalan Wang: Pertumbuhan Tahunan



Selaras dengan peningkatan dalam pengeluaran, M3 meningkat sebanyak RM31.6 bilion pada tahun 2002. Punca utama perkembangan monetari adalah daripada peningkatan pembiayaan aktiviti sektor swasta (RM26.2 bilion pada tahun ini). Peningkatan pembiayaan sektor swasta mencerminkan pinjaman bank dan pegangan sekuriti swasta yang lebih tinggi oleh institusi perbankan. Pada masa yang sama, operasi Kerajaan dan operasi luar negara juga menyumbang kepada pertumbuhan M3. Dari segi M1, pertumbuhan yang kukuh mencerminkan permintaan ke atas baki urus niaga yang lebih tinggi. Kedua-dua mata wang dalam edaran (RM1.8 bilion) dan deposit permintaan (RM6.7 billion) meningkat dengan nyata, selaras dengan perbelanjaan penggunaan dan baki akaun semasa perniagaan yang lebih tinggi berikutan aktiviti perniagaan yang lebih kukuh.


Sejajar dengan prestasi ekonomi yang lebih baik, wang secara luas juga meningkat dengan nyata sebanyak RM23.1 bilion atau 6% (2001: 2.7%; 2000: 4.5%). Dari segi komponen, peningkatan deposit sektor swasta telah dicatatkan dalam deposit tetap dan simpanan, repo dan instrumen deposit boleh niaga (IDB) sementara deposit mata wang asing terutamanya deposit perusahaan perniagaan merosot. Berikutan garis panduan baru IDB termasuk meningkatkan tempoh maksima kepada 10 tahun dan meninggikan had ke atas jumlah agregat terkumpul pengeluaran IDB (mengikut cara konvensional dan Islam) kepada lima kali dana modal yang dibenarkan, institusi kewangan bukan bank domestik telah mengalihkan pelaburan kepada IDB daripada repo. Oleh sebab itu, IDB yang telah dikeluarkan meningkat RM3.6 bilion. Peningkatan repo sebanyak RM2.5 bilion mencerminkan terutamanya repo yang

dipegang oleh sektor perniagaan. Perkembangan yang mempengaruhi urus niaga repo pada tahun ini adalah peraturan baru yang membenarkan institusi perbankan melakukan urus niaga repo dan repo berbalik pada tempoh matang kurang daripada satu bulan dengan institusi tidak berlesen untuk menggalakkan aktiviti peringkat kedua dan meningkatkan kecairan pasaran. Sebelum ini, aktiviti ini hanya boleh dilakukan oleh peniaga utama dan syarikat diskaun.


Dari segi pemegang, individu telah menyumbang sebanyak 86% daripada peningkatan dalam deposit tetap pada tahun 2002. Sejajar dengan keadaan ekonomi yang lebih baik, deposit daripada perusahaan perniagaan pulih untuk meningkat sebanyak RM0.9 bilion pada tahun 2002 (-RM4.3 bilion pada tahun 2001), mencakup 3.7% daripada jumlah peningkatan dalam wang secara luas (-42.1% pada tahun 2001).

Selaras dengan pertumbuhan M1, perbelanjaan melalui kad kredit, satu lagi penunjuk perbelanjaan penggunaan, mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 25.8%, berbanding 22.3% yang dicatatkan pada tahun 2001. Bilangan kad kredit dalam edaran (kad utama dan kad tambahan) serta nilai urus niaga mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi. Bilangan kad kredit meningkat 27% pada tahun 2002 berbanding kadar pertumbuhan purata sebanyak 18.8% pada tahun 1999-2001. Pada masa yang sama, perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi juga ditunjukkan oleh nilai pembelian melalui kad kredit yang lebih tinggi oleh pemegang kad Malaysia, yang meningkat sebanyak

Graf 2.11
Sistem Perbankan: Urus Niaga Kad Kredit



Graf 2.12
Sistem Perbankan: Baki Kad Kredit yang Belum Dijelaskan (pada akhir tempoh)



28% daripada RM16.2 bilion pada tahun 2001 kepada RM20.7 bilion pada tahun 2002.

Walaupun terdapat kenaikan yang ketara dalam perbelanjaan melalui kad kredit, pendapatan boleh guna yang lebih tinggi memastikan baki kad kredit diselesaikan dengan segera. Walaupun terdapat peningkatan ketara sebanyak 24% dalam baki kredit kad yang belum dijelaskan, baki yang tertunggak adalah lebih rendah pada 12.8% daripada jumlah baki yang belum dijelaskan pada akhir tahun 2002 berbanding dengan 13.3% pada akhir tahun 2001. Sebahagian besar daripada baki yang tertunggak ini (71%) tergolong dalam braket kurang daripada 3 bulan. Satu perkembangan positif adalah kualiti pinjaman kad kredit tidak terjejas. NPL bagi urus niaga kad kredit terus berkurangan kepada 4.1% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada akhir tahun 2002 daripada 4.6% pada akhir tahun 2001 (kadar tertinggi sebanyak 17.4% pada akhir tahun 1998). Ini mewakili 0.7% daripada jumlah NPL dalam sistem perbankan.

PERKEMBANGAN KADAR PERTUKARAN MATA WANG

Kadar pertukaran ringgit terus ditetapkan kepada dolar Amerika Syarikat (AS) pada kadar AS$1=RM3.80 pada tahun 2002. Kadar pertukaran ringgit berbanding mata wang yang lain ditentukan melalui kadar silang, berdasarkan kepada pergerakan dolar AS berbanding mata wang tersebut di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa.

Nilai dolar AS yang meningkat pada tahun 2001, terus bertambah kukuh pada awal tahun 2002, berikutan tanggapan optimis pasaran bahawa prospek pertumbuhan ekonomi AS adalah lebih baik berbanding Jepun dan kawasan euro. Walau

bagaimanapun, pada sepanjang tahun 2002, dolar AS beransur-ansur menjadi lemah berbanding mata wang utama disebabkan pendedahan mengenai pentadbiran korporat yang lemah dan salah laku perakaunan, kebimbangan pasaran terhadap kadar pemulihan ekonomi AS yang tidak menentu dan peningkatan jurang kadar faedah yang memihak kepada kawasan euro dan UK menjelang akhir tahun. Dolar AS mengalami tekanan dan menyusut nilai dengan ketara berikutan peningkatan sikap mengelak risiko pasaran yang disebabkan oleh ancaman keselamatan dan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Perkembangan tersebut telah membawa kepada penyusutan nilai dolar AS yang ketara berbanding mata wang utama pada tahun 2002. Mata wang euro mengatasi tahap persamaan berbanding dolar AS, dan meningkat nilai dengan mendadak pada akhir tahun 2002. Berbanding euro, dolar AS menyusut nilai sebanyak 15.4% pada tahun 2002. Walaupun terdapat kebimbangan pasaran mengenai keadaan ekonomi Jepun dan sektor kewangannya, yen Jepun turut mengakhiri tahun 2002 sebanyak 10.6% lebih tinggi berbanding dolar AS.


Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, ringgit menyusut nilai berbanding euro (-15.4%), yen Jepun (-9.6%) dan paun sterling (-9.5%). Walau bagaimanapun, memandangkan kebanyakan daripada urus niaga luaran Malaysia dikendalikan dalam dolar AS, ekonomi Malaysia telah dilindungi dengan baik daripada pergerakan mata wang yang keterlaluan pada sepanjang tahun. Kestabilan yang diberikan oleh kadar pertukaran tetap ringgit mengurangkan ketidaktentuan dalam proses perancangan aktiviti pelaburan para pengilang dan pembekal perkhidmatan, justeru membantu aktiviti perdagangan dan pelaburan.

Di peringkat serantau, ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 2.4% ke 14.1% pada tahun 2002, kecuali berbanding peso Filipina di mana ringgit meningkat nilai sebanyak 3.1%. Selain daripada kelemahan dolar AS, mata wang serantau sedikit sebanyak dipengaruhi oleh tanggapan pasaran yang optimis terhadap prospek pertumbuhan ekonomi-ekonomi serantau, yen Jepun yang lebih kukuh, serta perkembangan dalam negeri masing-masing. Walaupun sebilangan mata wang serantau dipengaruhi secara negatif oleh letupan bom di Bali dan Zamboanga pada bulan Oktober, kesannya hanyalah sementara.


Dari segi kadar pertukaran efektif nominal yang berwajaran perdagangan (NEER), nilai ringgit telah menyusut 4.0% pada tahun ini selaras dengan penurunan nilai dolar AS berbanding kebanyakan mata wang dalam kumpulan mata wang negara-negara yang berdagang dengan Malaysia. Sejak nilai ringgit ditetapkan kepada dolar AS pada bulan

Kestabilan yang diberikan oleh kadar pertukaran tetap ringgit mengurangkan ketidaktentuan dalam proses perancangan aktiviti pelaburan para pengilang dan pembekal perkhidmatan, justeru membantu aktiviti perdagangan dan pelaburan.

Graf 2.13
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Utama



Graf 2.14
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Serantau Terpilih



Nota: Peningkatan indeks melambangkan peningkatan nilai mata wang tersebut berbanding ringgit.

September 1998, NEER ringgit kekal stabil, menyusut nilai hanya sebanyak 1.1%. Penurunan nilai NEER ringgit yang agak kecil mencerminkan bahawa nilai ringgit kekal berada pada paras yang sewajarnya. Ringgit juga terus disokong oleh asas-asas makroekonomi yang kukuh, termasuk kadar inflasi yang rendah, tahap hutang luar negara yang rendah, imbangan luaran yang kukuh, tahap rizab yang lebih tinggi dan sistem perbankan yang kukuh.

DASAR FISKAL DAN OPERASI

Bajet tahun 2002 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 19 Oktober 2001 bertujuan untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran dalam negeri serta mengukuhkan daya tahan dan daya saing sektor swasta. Bajet tersebut dibentangkan semasa jangkaan bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah sederhana pada tahun 2002 dan pemulihan permintaan luar negara yang beransur-ansur. Risiko utama pada ketika itu ialah peningkatan semula momentum pertumbuhan perbelanjaan pengguna tidak dapat dikekalkan sekiranya keadaan pasaran buruh bertambah buruk. Berdasarkan keadaan ini, strategi Bajet tahun 2002 ialah untuk menyokong permintaan dalam negeri dan meningkatkan kapasiti produktif ekonomi dalam jangka panjang.

Meskipun operasi keseluruhan Bajet kekal mengembang, Kerajaan telah menganggarkan defisit fiskal yang lebih rendah pada tahun 2002, iaitu sebanyak RM18.8 bilion atau 5.1% daripada KDNK. Hasil sebenar yang dikutip pada tahun 2002 nyata lebih tinggi daripada anggaran awal disebabkan oleh pemulihan aktiviti ekonomi dan peningkatan kecekapan pungutan cukai. Walau bagaimanapun, perbelanjaan yang lebih tinggi membawa kepada defisit yang berjumlah RM20.3 bilion atau 5.6% daripada KDNK pada tahun 2002, berbanding dengan defisit yang disemak semula untuk tahun 2001, iaitu sebanyak RM18.4 bilion atau 5.5% daripada KDNK.

Dalam pengurusan kewangan awam, Kerajaan kekal komited terhadap fiskal berhemat bagi mengekalkan kemapanan dan fleksibiliti fiskal jangka panjang. Dalam hal ini, pertumbuhan perbelanjaan operasi dapat dikekalkan pada tahap yang munasabah dan menyebabkan lebihan akaun semasa kekal besar, iaitu sebanyak RM14.8 bilion. Perbelanjaan operasi yang lebih tinggi pada tahun 2002 disebabkan terutamanya oleh semakan gaji dan pencen kakitangan awam serta geran dan pindahan kepada agensi-agensi kerajaan, termasuklah kerajaan negeri, iaitu bagi tujuan pembangunan dan penyenggaraan. Perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi daripada jumlah anggaran awal mencerminkan peruntukan yang lebih besar untuk pendidikan dan latihan serta untuk pembangunan infrastruktur dan industri. Pada masa yang sama, Kerajaan melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan kenaikan dalam perbelanjaan, termasuklah penurunan secara progresif bagi subsidi petrol dan keluaran petroleum.

Jadual 2.7
Perkembangan Ringgit

	RM berbanding satu mata wang asing[1]				Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)	
	1997	1998	2001	2002	2001	2002	Akhir-Jun '97- Dis. 2002	2 Sep. '98 - Dis. 2002
	Akhir-Jun[2]	Sept. 2[3]	Akhir-Dis.					
Komposit	102.47	72.11	73.34	70.82	3.5	-3.4	-30.9	-1.8
SDR	3.5030	5.1177	4.7714	5.1474	3.8	-7.3	-31.9	-0.6
AS$	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	-33.6	0.0
S$	1.7647	2.1998	2.0529	2.1887	6.9	-6.2	-19.4	0.5
100 yen	2.2088	2.7742	2.8955	3.2020	14.4	-9.6	-31.0	-13.4
Paun sterling	4.1989	6.3708	5.5161	6.0924	2.7	-9.5	-31.1	4.6
Franc Switzerland	1.7368	2.6450	2.2757	2.7386	2.1	-16.9	-36.6	-3.4
Euro[4]	–	–	3.3662	3.9811	5.0	-15.4	–	–
100 Baht Thai	9.7470	9.3713	8.6022	8.8096	2.1	-2.4	10.6	6.4
100 Rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0365	0.0425	8.2	-14.1	144.2	-16.7
100 Won Korea	0.2842	0.2827	0.2883	0.3197	4.8	-9.8	-11.1	-11.6
100 Peso Filipina	9.5878	8.8302	7.3644	7.1462	3.3	3.1	34.2	23.6

[1] Kadar AS$ ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengahari di Pasaran Pertukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur.
Kadar bagi mata wang asing selain daripada AS$ adalah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding AS$ dan kadar RM/AS$.
[2] Akhir-Jun 1997 merupakan tahap sebelum Krisis Kewangan Asia.
[3] Ringgit ditetapkan pada AS$1=RM3.8000 pada 2 September 1998.
[4] Euro mula diperdagangkan pada 4 Januari 1999 (EUR 1= RM4.5050).

Dengan simpanan yang tinggi, ketiadaan tekanan inflasi dan tahap hutang Kerajaan Persekutuan yang terurus, pengembangan fiskal yang seterusnya pada tahun 2002 tidak mengakibatkan sebarang ketidakseimbangan struktur dalam ekonomi. Dengan adanya kapasiti berlebihan dalam ekonomi, dasar pengembangan tidak meninggalkan kesan inflasi, yang mana kekal rendah, sementara perbelanjaan Kerajaan Persekutuan tidak mengurangkan perolehan yang dicapai dalam mengukuhkan kedudukan imbangan pembayaran memandangkan sebahagian besar daripada perbelanjaan telah diperuntukkan bagi projek-projek yang mempunyai kandungan import yang rendah. Kadar simpanan negara yang kekal tinggi dan lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan membolehkan keperluan pembiayaan Kerajaan diperoleh tanpa mengurangkan akses sektor swasta untuk mendapatkan pembiayaan. Pada masa yang sama, kos terbitan hutang baru kekal rendah sementara pengumpulan hutang Kerajaan Persekutuan diimbangkan dengan pembiayaan melalui penggunaan aset terkumpul.

Pada masa ketidaktentuan ekonomi sedunia, Bajet tahun 2002 kekal mengembang bagi menyokong momentum pertumbuhan. Insentif-insentif fiskal dan peruntukan perbelanjaan bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dalam negeri dan prospek pertumbuhan jangka panjang.

Dalam konteks ketidaktentuan yang kian meningkat dalam ekonomi global pada tahun 2002, dasar fiskal kitaran balas adalah berkesan untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Bahagian perbelanjaan sektor awam dalam permintaan agregat dalam negeri adalah lebih tinggi pada 36% pada tahun 2002, berbanding 35% pada tahun 2001. Dengan ini, sektor swasta telah menyumbangkan 1.2 mata peratusan kepada pertumbuhan ekonomi tahun 2002. Tindak balas positif perbelanjaan pengguna terhadap rangsangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan digambarkan melalui jumlah perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi, yang mencakupi 61% daripada KDNK. Permintaan dalam negeri yang lebih tinggi telah menyokong aktiviti pelaburan, di mana pelaburan sektor swasta pulih untuk mencatat pertumbuhan positif pada separuh tahun kedua. Hasilnya, permintaan dalam negeri kekal sebagai penggerak utama pertumbuhan pada tahun 2002 dengan perbelanjaan sektor awam menyumbang 2.7 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2002.

Dari segi rangsangan terus, peruntukan yang ketara lebih tinggi untuk sektor pendidikan dan pembangunan infrastruktur telah disediakan pada tahun tersebut. Perbelanjaan sektor pendidikan digunakan untuk membina sekolah, memperbaiki infrastruktur pendidikan dan kemudahan-kemudahan sokongan sekolah, politeknik dan universiti. Pembangunan infrastruktur ditumpukan kepada pembangunan rangkaian pengangkutan yang lebih cekap. Pada masa yang sama, penekanan khusus terus diberikan bagi menyokong penglibatan perniagaan kecil yang lebih aktif di dalam keseluruhan aktiviti ekonomi.

Pakej fiskal yang mengembang pada tahun 2002 telah mengukuhkan rangsangan secara tidak langsung bagi menyokong inisiatif-inisiatif sektor swasta. Langkah-langkah cukai yang meluas telah menggalakkan penggunaan dan pelaburan sektor swasta. Kadar cukai pendapatan individu telah diturunkan di antara 1-2 mata peratusan kepada 0-28% manakala pendapatan bercukai pada tahap cukai maksima turut dinaikkan sehingga melebihi RM250,000 daripada RM150,000. Langkah-langkah ini dijangka menaikkan pendapatan boleh guna isi rumah sebanyak kira-kira RM874 juta. Berdasarkan purata kecenderungan mengguna sut yang lepas, rangsangan yang diberikan kepada pengguna dijangka meningkatkan pertumbuhan KDNK sebanyak kira-kira 0.3 mata peratusan.

Insentif fiskal untuk mendorong aktiviti pelaburan swasta ditumpukan bagi mengembangkan aktiviti berasaskan sumber dan sektor perkhidmatan. Langkah-langkah yang dilaksanakan pada tahun 2002 termasuklah pelanjutan elaun pelaburan semula kepada 15 tahun (daripada 5 tahun) dan pengecualian cukai bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran mesin, peralatan dan makanan serta pelaburan semula dalam pengeluaran getah, kelapa sawit dan balak. Elaun bangunan industri telah diperluaskan untuk meliputi pembelian bangunan dan hotel. Insentif juga telah diberikan untuk penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang lebih meluas dalam semua aktiviti ekonomi. Beberapa insentif turut diperkenalkan untuk mengukuhkan imbangan pembayaran, iaitu promosi pelancongan dan

peningkatan eksport. Insentif-insentif fiskal yang lain adalah untuk mengurangkan kos perniagaan dan meningkatkan daya saing negara. Insentif-insentif tersebut termasuklah penurunan dan penghapusan duti import ke atas pelbagai barangan pengantara.

Sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan perancangan, belanjawan dan pelaksanaan program sektor awam, beberapa perubahan telah dibuat ke atas proses Bajet. Mulai tahun 2002, Bajet akan disediakan bagi tempoh dua tahun berbanding setahun sebelumnya. Proses Bajet yang berpandangan jauh ini bertujuan untuk menjadikan Bajet negara lebih berkesan dalam pengurusan kewangan dan fiskal yang fleksibel. Ia akan mengambil kira kedua-dua sasaran dasar fiskal tahunan jangka pendek dan objektif serta dasar jangka sederhana dalam konteks pelan pembangunan lima tahun. Di samping memastikan semua peruntukan diguna seperti yang dirancang, proses baru tersebut juga membolehkan pelaksanaan peruntukan semula belanjawan yang cepat bagi mengambil kira perkembangan dalam negeri dan persekitaran luar negeri yang tidak dijangka.

Pada tahun 2002, Kerajaan terus menjana modal dari pasaran modal antarabangsa untuk mengekalkan kehadiran Malaysia dalam pasaran bagi tujuan mewujudkan penanda aras, mengambil kesempatan ke atas tebaran kadar faedah yang berkurangan dan untuk meluaskan pasaran dan asas pelabur, serta menyumbang kepada pembangunan global pembiayaan berasaskan Islam. Berdasarkan keadaan pasaran luaran yang menggalakkan, Kerajaan telah membuat dua pinjaman luar negara. Pada bulan Mac, Kerajaan telah membuka semula Bon Global AS$ Malaysia yang matang pada tahun 2011 (AS$750 juta) pada kadar yang lebih rendah, iaitu 6.80%, 90 mata asas lebih rendah daripada terbitan awal pada 7.70%. Pada bulan Jun, Kerajaan menerbitkan Sijil Global Secara Islam pertama yang matang pada tahun 2007 (AS$600 juta) untuk meningkatkan penyertaan lebih banyak pelabur dan menggalakkan pembangunan instrumen berasaskan Islam di pasaran kewangan antarabangsa. Terbitan-terbitan tersebut telah mendapat sambutan dan persaingan harga yang positif. Selepas mengambil kira pembayaran semula pinjaman dan hutang tertentu oleh perusahaan awam dan entiti yang diswastakan, nisbah hutang luar negara Kerajaan Persekutuan kepada KDNK meningkat kepada 10% (7% pada tahun 2001).

Tabungan yang tinggi dan mudah tunai yang mencukupi membolehkan defisit fiskal dibiayai terutamanya daripada sumber dalam negeri. Jumlah hutang Kerajaan kekal terurus.

Sebahagian besar defisit Bajet tahun 2002 telah dibiayai melalui penggunaan aset terkumpul. Kesannya, jumlah hutang dalam negeri dan luar negara Kerajaan dibendung pada RM165 bilion atau 45.6% daripada KDNK pada akhir tahun 2002. Pada tahun itu, Kerajaan telah menggunakan sebanyak RM6.1 bilion daripada aset terkumpulnya untuk membiayai 17% daripada jumlah perbelanjaan pembangunannya. Dengan itu, pembiayaan melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) telah dikurangkan pada tahun 2002 dan hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan dibendung pada 35.6% daripada KDNK. Dalam persekitaran mudah tunai yang mencukupi dan kadar faedah yang rendah, SKM baru telah diterbitkan pada kadar kupon yang lebih rendah di antara 3.07 hingga 4.053%. Terbitan-terbitan tersebut telah diserap terutamanya oleh dana wang simpanan, pencen dan insuran (86%) dan perusahaan awam (8%).

Selain memenuhi keperluan pembiayaan, program pinjaman dalam negeri juga bertujuan untuk memastikan pembangunan penanda aras keluk hasil bagi membantu pembangunan pasaran bon ringgit dalam negeri. Kalendar lelong untuk terbitan sekuriti kerajaan dikekalkan bagi meningkatkan ketelusan di samping membantu para pelabur membuat pengagihan aset.

Memandangkan hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah, kapasiti khidmat hutang Kerajaan kekal pada paras yang berhemat. Bahagian khidmat hutang daripada perbelanjaan operasi dan hasil pada tahun 2002 masing-masing kekal rendah pada tahap 14.1% dan 11.6%. Pendedahan Kerajaan terhadap risiko kadar pertukaran asing kekal rendah kerana sebahagian besar daripada keperluan pinjamannya dijana daripada sumber dalam negeri yang tidak mengakibatkan inflasi (78% daripada jumlah hutang terkumpul). Pengurusan hutang yang aktif juga telah mengurangkan pembayaran balik kebanyakan hutang pada masa yang sama, dengan kira-kira 60% daripada hutang mempunyai kematangan melebihi tiga tahun. Sebilangan besar daripada pinjaman juga adalah pada kadar faedah tetap.

Sektor Awam Yang Disatukan

Pada tahun 2002, sektor awam yang disatukan terus mencatat lebihan akaun semasa yang tinggi. Walaupun prestasi hasil lebih baik, perbelanjaan

Jadual 2.8
Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2001	2002*a*	2003*r*
	RM juta		
Sektor kerajaan[1]			
Hasil	91,633	98,813	105,101
Perbelanjaan mengurus	72,299	77,794	82,025
Lebihan semasa sektor kerajaan	19,334	21,019	23,076
Lebihan semasa PABK[2]	39,484	37,551	38,718
Lebihan semasa sektor awam	**58,818**	**58,570**	**61,794**
% daripada KDNK	**17.6**	**16.2**	**16.2**
Perbelanjaan pembangunan bersih	59,724	68,737	65,282
Sektor kerajaan	*35,692*	*41,164*	*39,521*
PABK	*24,032*	*27,572*	*25,761*
Imbangan keseluruhan	**-906**	**-10,167**	**-3,488**
% daripada KDNK	**-0.3**	**-2.8**	**-0.9**

[1] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan kerajaan tempatan.
[2] Merujuk kepada 36 buah PABK.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, kerajaan-kerajaan negeri dan perusahaan awam bukan kewangan

Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK) yang lebih tinggi mengakibatkan defisit keseluruhan yang lebih tinggi sebanyak 2.8% daripada KDNK. Dengan ketidaktentuan ekonomi global pada tahun 2002, Kerajaan Persekutuan telah meningkatkan perbelanjaannya secara terpilih pada tahun tersebut bagi mendorong aktiviti ekonomi. Perbelanjaan PABK yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya pengembangan kapasiti yang dilaksanakan terutamanya oleh syarikat-syarikat minyak, gas dan utiliti.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

Pada tahun 2002, akaun semasa Kerajaan Persekutuan mencatatkan lebihan yang lebih kecil sedikit iaitu sebanyak 4.1% daripada KDNK, berbanding dengan 4.7% daripada KDNK pada tahun 2001. Hasil meningkat pada tahun 2002 dengan perolehan yang lebih tinggi keseluruhannya daripada sumber cukai. Walau bagaimanapun, defisit fiskal keseluruhan pada tahun 2002 adalah lebih besar berbanding anggaran Bajet tahun 2002, berikutan peruntukan yang lebih besar untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri dan kapasiti produktif. Kedua-dua perbelanjaan operasi dan pembangunan adalah lebih tinggi daripada jumlah yang diperuntukkan. Sementara peningkatan dalam perbelanjaan mengurus mencerminkan terutamanya perbelanjaan yang lebih tinggi bagi penyelenggaraan gaji, peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan mencerminkan peningkatan dalam rangsangan fiskal, yang mana sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor pendidikan. Kesannya, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan secara keseluruhannya mencatatkan defisit fiskal sebanyak RM20.3 bilion atau 5.6% daripada KDNK pada tahun 2002, berbanding dengan anggaran asal sebanyak 5.1%.

Hasil Kerajaan Persekutuan meningkat 5% kepada RM83.5 bilion pada tahun 2002. Keseluruhan peningkatan hasil adalah berpunca daripada sumber cukai. Hasil cukai meningkat 8.7% bagi mencakupi bahagian yang lebih besar daripada jumlah hasil (80%). Kutipan daripada hasil bukan cukai adalah lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pulangan pendapatan pelaburan dan royalti petroleum yang lebih rendah.

Kutipan hasil cukai yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh pengembangan menyeluruh aktiviti

Jadual 2.9
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2001	2002*a*	Belanjawan 2003
	RM juta		
Hasil	79,567	83,515	89,183[2]
Perbelanjaan mengurus	63,757	68,699	71,737
Akaun semasa	**15,810**	**14,817**	**17,446**
% daripada KDNK	**4.7**	**4.1**	**4.5**
Perbelanjaan pembangunan bersih	34,232	35,069	32,963
Perbelanjaan pembangunan kasar	*35,235*	*35,977*	*34,963*
Tolak terimaan balik pinjaman	*1,003*	*908*	*2,000*
Imbangan keseluruhan	**-18,422**	**-20,252**	**-15,517**
% daripada KDNK	**-5.5**	**-5.6**	**-4.0**
Sumber-sumber pembiayaan:			
Peminjaman dalam negeri bersih	13,381	6,076	-
Peminjaman kasar	*23,500*	*18,000*	-
Tolak pembayaran balik	*10,119*	*11,924*	-
Peminjaman luar negeri bersih	6,295	8,019	-
Peminjaman kasar	*7,030*	*10,465*	-
Tolak pembayaran balik	*735*	*2,446*	-
Penerimaan khas	6	62	-
Harta boleh jual[1] dan penyesuaian	-1,259	6,095	-
Jumlah	**18,422**	**20,252**	**-**

[1] Termasuk perubahan dalam baki Tabung Amanah Kerajaan. Kejatuhan dalam harta boleh jual terkumpul ditunjukkan dengan tanda campur (+).
[2] Termasuk kehilangan hasil bersih yang berpotensi sebanyak RM610 juta daripada perubahan cukai untuk tahun 2003.
a Awalan


Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

ekonomi dan usaha padu oleh pihak Kerajaan untuk memperluaskan asas cukai, mengukuhkan kecekapan kutipan cukai, meningkatkan kepatuhan dan ketegasan dalam penguatkuasaan. Secara keseluruhannya, nisbah jumlah hasil kepada KDNK kekal pada paras yang tinggi sebanyak 23.1% (23.8% setahun lalu). Khususnya, kutipan cukai yang lebih tinggi telah dicapai pada tahun 2002 walaupun dengan penurunan kadar cukai pendapatan dan duti import yang diumumkan dalam Bajet tahun 2002 dan sumbangan hasil berasaskan petroleum yang lebih rendah. Harga minyak mentah adalah lebih rendah pada tahun 2001, iaitu asas cukai pendapatan untuk tahun 2002.


Kedua-dua kategori hasil cukai, iaitu cukai langsung dan tidak langsung meningkat pada tahun 2002. Khususnya, pulangan daripada cukai pendapatan korporat, yang mencakupi 55.6% daripada cukai langsung dan 29.5% daripada jumlah hasil terus mencatat pertumbuhan dua angka iaitu sebanyak 19%. Kutipan yang lebih tinggi daripada sumber ini mencerminkan pendapatan perniagaan yang bertambah baik. Paras pendapatan yang lebih tinggi turut meningkatkan kutipan cukai pendapatan individu (+4.8%). Paras ini telah dicapai meskipun dengan penurunan 1-2 mata peratusan dalam kadar cukai pendapatan individu dan kenaikan had pendapatan bercukai yang tertakluk kepada kadar cukai maksima kepada melebihi RM250,000 daripada RM150,000. Hasil daripada duti setem dan cukai untung harta tanah turut meningkat pada tahun 2002 disebabkan oleh jumlah dan nilai transaksi urus niaga saham yang lebih tinggi, serta nilai urus niaga pasaran harta tanah yang lebih tinggi. Dalam kategori cukai langsung, cukai pendapatan petroleum lebih rendah pada tahun 2002. Cukai pendapatan petroleum menurun 22.5% disebabkan terutamanya oleh kelemahan harga minyak mentah, berpurata AS$25.53 setong pada tahun 2001, daripada AS$29.58 setong pada tahun 2000.

Kebanyakan sumber utama cukai tidak langsung mencatat pertumbuhan dua angka berdasarkan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh, langkah-langkah peningkatan hasil serta peningkatan kecekapan dalam kutipan cukai. Khususnya, kutipan cukai jualan adalah lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh pengurangan pengecualian cukai ke atas petrol dan keluaran petroleum. Permintaan untuk kenderaan bermotor yang kekal tinggi telah menyumbang kepada peningkatan duti eksais dan import. Kutipan cukai turut diperkukuhkan oleh duti import dan eksais yang lebih tinggi, masing-masing sebanyak 20% bagi rokok dan tembakau. Peluasan dalam liputan perkhidmatan bercukai telah menyumbang kepada kutipan cukai perkhidmatan yang lebih tinggi. Paras had tahunan bagi pelaksanaan cukai perkhidmatan telah diturunkan daripada hasil jualan tahunan sebanyak RM500,000 kepada RM300,000 dan ke atas bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh restoran, bar, bar snek, kedai kopi, kelab persendirian dan firma pengiklanan. Ia juga diturunkan daripada RM300,000 kepada RM150,000 dan ke atas bagi perkhidmatan profesional dan perunding yang ditawarkan oleh firma perakaunan, perundangan, kejuruteraan, arkitek, jurukur dan firma perunding serta syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengurusan. Secara keseluruhannya, langkah-langkah peningkatan hasil telah menyumbang kepada perolehan hasil sebanyak RM0.9 bilion. Pengurangan hasil berikutan penghapusan dan penurunan duti import ke atas barangan terpilih bagi

Graf 2.15
Kewangan Kerajaan Persekutuan



Hutang Kerajaan Persekutuan



Jadual 2.10
Hasil Kerajaan Persekutuan

	2001	2002*a*	2001	2002*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)	
Hasil cukai	**61,492**	**66,860**	**30.4**	**8.7**
% daripada KDNK	**18.4**	**18.5**		
Cukai langsung	42,097	44,351	44.4	5.4
Cukai pendapatan	40,135	42,237	48.6	5.2
Syarikat	*20,770*	*24,642*	*49.4*	*18.6*
Petroleum	*9,858*	*7,636*	*64.0*	*-22.5*
Individu	*9,436*	*9,889*	*34.5*	*4.8*
Koperasi	*70*	*69*	*-19.2*	*-1.4*
Cukai keuntungan harta tanah	227	319	-8.3	40.7
Duti setem	1,650	1,732	-8.3	5.0
Lain-lain	85	63	-9.4	-26.2
Cukai tak langsung	19,395	22,509	7.6	16.1
Duti eksport	867	803	-16.0	-7.3
Duti import	3,193	3,668	-11.3	14.9
Duti eksais	4,130	4,745	8.6	14.9
Cukai jualan	7,356	9,243	23.3	25.7
Cukai perkhidmatan	1,927	2,214	13.3	14.9
Lain-lain	1,922	1,836	0.4	-4.5
Hasil bukan cukai dan penerimaan bukan hasil	**18,075**	**16,655**	**23.0**	**-7.9**
Jumlah hasil	**79,567**	**83,515**	**28.6**	**5.0**
% daripada KDNK	**23.8**	**23.1**		

a Awalan


Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

menurunkan kos perniagaan adalah lebih rendah, dianggarkan sebanyak RM0.3 bilion.

Pada tahun 2002, beberapa langkah telah diambil untuk memperbaiki prosedur kutipan cukai. Khususnya, kepatuhan cukai telah dipertingkatkan melalui peningkatan kesedaran di kalangan pembayar cukai ke atas tanggungjawab mereka, dan dengan itu membantu mengenal pasti mereka yang berpotensi membayar cukai. Publisiti dan kempen pendidikan telah ditingkatkan pada tahun tersebut bagi menyebarkan maklumat kepada orang ramai. Pada masa yang sama, beberapa buah lagi bank komersil telah dilantik sebagai agensi pengutip cukai dan empat buah lagi cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri ditubuhkan untuk memudahkan urusan orang ramai. Perkhidmatan turut dipertingkatkan melalui penubuhan pusat pemprosesan untuk memberi khidmat nasihat berkenaan cukai. Sesi mingguan bersama pembayar cukai telah dikelolakan oleh pihak Kastam dan Eksais Diraja. Aktiviti penguatkuasaan telah dipertingkatkan melalui pelaksanaan audit dalaman dan luaran bagi mengenal pasti perniagaan yang tertakluk kepada cukai. Untuk mengurangkan pengelakan cukai, kecekapan turut dipertingkatkan di pelabuhan-pelabuhan masuk ke Malaysia.

Jumlah **perbelanjaan kasar** Kerajaan Persekutuan meningkat 5.7% kepada RM104.7 bilion pada tahun 2002 disebabkan oleh program pengembangan fiskal untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri dan meningkatkan kapasiti produktif jangka panjang. **Perbelanjaan mengurus** adalah 7.8% lebih tinggi. Jumlah pembayaran gaji, iaitu komponen terbesar perbelanjaan mengurus (29.5%), meningkat 16% pada tahun 2002. Bayaran gaji yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh pelarasan gaji dan pencen sebanyak 10% bagi kakitangan awam, bayaran bonus yang lebih tinggi, perbelanjaan yang lebih tinggi berikutan perlanjutan umur persaraan daripada 55 kepada 56

Graf 2.16
Komposisi Hasil Kerajaan Persekutuan, 2002 (% bahagian)



Jadual 2.11
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek

	2001	2002*a*	2001	2002*a*
	RM juta		% bahagian	
Emolumen	17,443	20,242	27.4	29.5
Bekalan dan perkhidmatan	10,704	11,269	16.8	16.4
Pembelian harta	1,339	968	2.1	1.4
Bayaran khidmat hutang	9,634	9,670	15.1	14.1
Pencen dan ganjaran	4,711	5,134	7.4	7.5
Subsidi	4,450	3,677	7.0	5.4
Lain-lain pemberian dan pindahan[1]	13,626	15,948	21.4	23.2
Lain-lain perbelanjaan[2]	1,851	1,791	2.9	2.6
Jumlah	**63,757**	**68,699**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**19.1**	**19.0**		

[1] Termasuk pemberian dan pindahan kepada kerajaan negeri serta agensi awam dan perusahaan.
[2] Termasuk pindahan kepada organisasi antarabangsa, tuntutan insurans & pampasan dan lain-lain.
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Jadual 2.12
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor

	2001	2002*a*	2001	2002*a*
	RM juta		% bahagian	
Pertahanan dan keselamatan	3,287	4,333	9.3	12.0
Perkhidmatan ekonomi	12,725	12,433	36.1	34.6
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,394	1,364	4.0	3.8
Perdagangan dan industri	4,830	3,474	13.7	9.7
Pengangkutan	5,042	5,401	14.3	15.0
Kemudahan awam	1,092	1,808	3.1	5.0
Lain-lain	367	387	1.0	1.1
Perkhidmatan sosial	15,384	18,043	43.7	50.2
Pendidikan	10,363	12,436	29.4	34.6
Kesihatan	1,570	1,503	4.5	4.2
Perumahan	1,269	1,808	3.6	5.0
Lain-lain	2,183	2,296	6.2	6.4
Pentadbiran am	3,839	1,168	10.9	3.2
Jumlah	**35,235**	**35,977**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**10.5**	**9.9**		

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

tahun, peningkatan kadar elaun lebih masa bagi doktor serta ganjaran dan imbuhan bagi anggota tentera dan polis. Pembayaran pencen dan ganjaran turut bertambah, selaras dengan pelarasan gaji untuk kakitangan awam.

Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan meningkat secara sederhana sebanyak 5.3%, terutamanya perbelanjaan untuk menaikkan taraf kualiti perkhidmatan awam. Peningkatan perbelanjaan dicatatkan oleh perolehan berkaitan aplikasi perdana e-kerajaan dan bayaran perkhidmatan profesional serta bayaran elaun skim khas untuk siswazah menganggur bagi meningkatkan kemahiran. Bayaran khidmat hutang dalam negeri adalah lebih rendah oleh kerana pinjaman baru diperoleh pada kadar faedah yang lebih rendah, sementara paras hutang luar negera yang lebih tinggi telah menyumbang kepada peningkatan dalam bayaran khidmat hutang pinjaman luar negara. Bayaran pindahan yang lain adalah lebih tinggi, sebahagian besarnya disebabkan oleh pemberian dan pindahan kepada agensi-agensi kerajaan, termasuklah kerajaan-kerajaan negeri untuk tujuan pembangunan dan penyelenggaraan. Sementara itu, bayaran subsidi adalah lebih rendah berikutan dua peningkatan harga keluaran petroleum pada tahun 2002, dan harga minyak yang lebih rendah. Kerajaan telah meningkatkan harga pasaran petroleum sebanyak dua sen berkuat kuasa 1 Mei, dan harga pasaran barangan petroleum sebanyak satu sen berkuat kuasa 1 November.

Perbelanjaan pembangunan kasar meningkat 2.1% kepada RM36 bilion, sebahagian besarnya (84.8%) disalurkan kepada perkhidmatan sosial dan ekonomi. Memandangkan keperluan untuk menggalakkan pembangunan kemahiran dan orientasi negara ke arah pembangunan ekonomi yang berasaskan pengetahuan, tumpuan perbelanjaan telah diarahkan kepada pembangunan sumber manusia. Oleh itu, bahagian sektor ekonomi daripada jumlah perbelanjaan pembangunan telah meningkat kepada 34.6% (1999:17.1%). Perbelanjaan ini adalah terutamanya untuk pembinaan sekolah satu sesi, sekolah pintar, kolej komuniti, kolej baru dan universiti. Tambahan lagi, penekanan juga diberi ke arah meningkatkan taraf infrastruktur pendidikan dan kemudahan sokongan, termasuk penyediaan kemudahan pendidikan sains dan komputer serta pembangunan kurikulum. Untuk menyediakan pinjaman pengajian peringkat tinggi, peruntukan bagi Tabung Pendidikan Tinggi Nasional telah dinaikkan sebanyak RM500 juta kepada RM1.8 bilion.

Perbelanjaan perumahan juga adalah lebih besar, terutamanya untuk projek perumahan kos rendah bagi golongan berpendapatan rendah serta program perumahan bagi pasukan tentera, anggota polis, pegawai kastam dan eksais di Raja dan guru-guru. Perbelanjaan kesihatan kekal tinggi untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan. Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk pembinaan dan peningkatan taraf hospital serta penyediaan perkhidmatan kesihatan, terutamanya

untuk pemasangan peralatan kesihatan terkini di klinik-klinik kesihatan luar bandar.

Dari segi perkhidmatan ekonomi, perbelanjaan pengangkutan menyerap bahagian yang terbesar daripada jumlah perbelanjaan pembangunan (15%). Perbelanjaan yang lebih tinggi telah diperuntukkan terutamanya untuk pengangkutan udara, pelabuhan dan jalan raya bagi membangunkan rangkaian pengangkutan yang merangkumi udara, keretapi, darat dan laut yang lebih cekap dan bersepadu. Perbelanjaan perdagangan dan industri tertumpu kepada penyediaan kemudahan infrasktruktur, penyelidikan dan pembangunan industri, pembangunan industri kecil dan sederhana, dan promosi pelancongan. Sebagai mencerminkan usaha Kerajaan untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk luar bandar, perbelanjaan pertanian dan pembangunan luar bandar kekal tinggi, dengan pelaburan yang lebih tinggi untuk meningkatkan taraf jalan raya, bekalan air dan program pemasangan bekalan tenaga elektrik di luar bandar.


Perbelanjaan pertahanan dan keselamatan dalam negeri adalah juga lebih tinggi, terutamanya bagi program pemodenan pasukan tentera dan polis. Sebaliknya, perbelanjaan pentadbiran am ketara lebih rendah, terutamanya berikutan pembinaan yang hampir siap bagi pusat pentadbiran Kerajaan yang baru di Putrajaya.

Pada tahun 2002, **pembiayaan** Kerajaan hanya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan memandangkan akaun semasa terus mencatatkan lebihan. Daripada jumlah defisit fiskal sebanyak RM20.3 bilion, 30% atau RM6.1 bilion dibiayai melalui penggunaan aset boleh tunai. Dengan itu, pinjaman baru Kerajaan Persekutuan telah menurun pada tahun tersebut. **Pinjaman bersih** Kerajaan Persekutuan menurun daripada RM19.7 bilion pada tahun 2001 kepada RM14.1 bilion pada tahun 2002. Kesannya, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan kekal sebanyak RM165 bilion atau 45.6% daripada KDNK pada akhir tahun 2002 (43.6% daripada KDNK pada akhir tahun 2001).

Daripada jumlah hutang kasar sebanyak RM28.5 bilion yang dijana pada tahun 2002, 63% daripadanya diperolehi daripada pasaran **dalam negeri**. Kadar simpanan negara yang kekal tinggi dan mudah tunai yang lega dalam sistem perbankan, membolehkan keperluan pembiayaan Kerajaan dipenuhi tanpa menghalang akses pembiayaan sektor swasta. Dalam persekitaran kadar faedah yang menurun di pasaran wang dalam negeri, terbitan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) diperolehi pada kadar kupon yang lebih rendah, di antara 3.07 kepada 4.053%. Persekitaran kadar faedah yang rendah, menurunkan dengan ketara terbitan hutang dan membendung peningkatan dalam beban khidmat hutang kerajaan pada masa akan datang. Selain memenuhi keperluan pembiayaan, program pinjaman dalam negeri turut bertujuan untuk menyediakan penanda aras keluk kadar hasil yang reflektif bagi membantu pembangunan pasaran bon ringgit dalam negeri.

Terbitan sekuriti kerajaan di pasaran dalam negeri berjumlah RM18 bilion. Pada tahun 2002, Kerajaan Persekutuan telah mengapungkan lima terbitan SKM berjumlah RM15 bilion secara tender terbuka

Graf 2.17
Hutang Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan pada akhir tahun 2002*a* (% bahagian)



a Awalan

Jadual 2.13
Hutang Awam Kerajaan Persekutuan

	Perubahan tahunan		Pada akhir
	2001	2002*a*	2002*a*
	Nilai nominal dalam RM juta		
Hutang dalam negeri	**14,591**	**7,284**	**128,680**
Bil perbendaharaan	0	0	4,320
Terbitan Pelaburan Kerajaan	0	1,000	5,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	14,400	6,100	109,550
Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	1,259	1,180	6,735
Pinjaman pasaran	-1,068	-996	3,075
Hutang luar negara	**5,508**	**11,955**	**36,283**
Pinjaman pasaran	5,642	10,992	28,674
Pinjaman projek	-134	963	7,609
Jumlah	**20,099**	**19,239**	**164,963**
% daripada KDNK			**45.6**

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

menerusi peniaga-peniaga utama, di samping melalui tawaran persendirian. Satu-satunya Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) berjumlah RM3 bilion turut diterbitkan. Sebagai sebahagian daripada strategi untuk membangunkan pasaran bon dalam negeri, Kerajaan terus menerbitkan sekuriti secara tetap dengan kematangan di antara 3, 5 dan 10 tahun untuk memenuhi permintaan pasaran di samping mewujudkan penanda aras keluk kadar hasil. Kerajaan turut membuka semula tiga terbitan SKM yang sedia ada untuk menambah saiz terbitan masing-masing. Strategi Kerajaan ialah untuk membangunkan pasaran kedua menerusi peningkatan mudah tunai pasaran. Terbitan Bil Perbendaharaan (BP) hanyalah untuk memenuhi pembiayaan semula bil-bil yang bakal matang.

Sebahagian besar daripada terbitan SKM baru telah diserap oleh dana wang simpanan, pencen dan insuran yang kekal sebagai pemegang utama, mencakupi 77% daripada jumlah SKM terkumpul. Dari segi struktur pemilikan TPK dan BP, sektor perbankan merupakan pemegang utama, diikuti oleh syarikat-syarikat insuran.

Walaupun Kerajaan terus bergantung kepada sumber-sumber dalam negeri untuk memenuhi keperluan pembiayaannya, Kerajaan turut menjana dana daripada pasaran modal antarabangsa bagi tujuan mewujudkan penanda aras untuk mengambil kesempatan ke atas kadar faedah yang rendah dan pelbagai serta menerokai pasaran kewangan antarabangsa yang lebih luas dari segi pembiayaan berlandaskan prinsip-prinsip Islam. Dengan persekitaran pasaran **luar** yang baik, Kerajaan telah menerbitkan dua pinjaman luar. Pada bulan Mac, Kerajaan membuka semula Bon Global AS$ Malaysia yang akan matang pada tahun 2011 sebanyak AS$750 juta (RM2.9 bilion) pada kadar yang jauh lebih rendah, sebanyak 6.80%, iaitu 90 mata asas lebih rendah daripada terbitan awal pada 7.70%. Pembukaan semula tersebut memperoleh lebihan langganan sebanyak tujuh kali ganda. Ini mencerminkan keyakinan pelabur terhadap kekuatan asas-asas ekonomi Malaysia. Pada bulan Jun, Kerajaan menerbitkan Sijil Global Secara Islam yang pertama yang akan matang pada tahun 2007 berjumlah AS$600 juta (RM2.2 bilion) bagi menggalakkan pembangunan produk kewangan berlandaskan Islam di pasaran antarabangsa. Bon tersebut diterbitkan pada kadar kupon 95 mata asas di atas tempoh matang enam bulan AS dolar *London Inter Bank Offer Rate* (LIBOR). Bon tersebut telah memperoleh lebihan langganan sebanyak lebih dua kali ganda. Ini mencerminkan minat dan penerimaan antarabangsa ke atas pembukaan rasmi bon global Islam.

Jadual 2.14
Milikan Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan

	2001	2002*a*	2001	2002*a*
	Nilai nominal dalam RM juta		% bahagian	
Bil perbendaharaan	**4,320**	**4,320**	**100.0**	**100.0**
Syarikat insurans	160	65	3.7	1.5
Sektor perbankan	4,014	3,744	92.9	86.7
Lain-lain	146	512	3.4	11.8
Terbitan Pelaburan Kerajaan	**4,000**	**5,000**	**100.0**	**100.0**
Syarikat insurans	195	320	4.9	6.4
Sektor perbankan	3,805	4,680	95.1	93.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	**103,450**	**109,550**	**100.0**	**100.0**
Institusi keselamatan sosial dan insurans	79,071	84,341	76.4	77.0
di antaranya:				
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*67,415*	*71,995*	*65.2*	*65.7*
Syarikat insurans	*8,566*	*9,315*	*8.3*	*8.5*
Sektor perbankan	18,594	14,629	18.0	13.4
Lain-lain	5,785	10,580	5.6	9.7

a Awalan

Sumber-sumber lain pinjaman luar negeri terdiri terutamanya daripada penggunaan pinjaman projek daripada sumber-sumber dua hala, terutamanya daripada Jepun di bawah Inisiatif Miyazawa Baru, di samping sumber-sumber pelbagai hala seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Antarabangsa. Kerajaan telah menandatangani pinjaman projek berjumlah ¥68 bilion (RM1.6 bilion) dengan *Japan Bank for International Cooperation* pada bulan Februari 2002. Pinjaman tersebut adalah untuk membiayai usaha niaga berteknologi tinggi dan pengeluaran dibuat dalam beberapa tahun. Selepas mengambil kira kerugian penilaian semula kadar tukaran asing yang berpunca daripada pengukuhan yen dan euro berbanding ringgit, dan hutang tertentu perusahaan awam dan entiti yang diswastakan, nisbah hutang luar negara Kerajaan Persekutuan kepada KDNK meningkat daripada 7% pada tahun 2001 kepada 10%. Walau bagaimanapun, hutang luar negara Kerajaan Persekutuan kekal rendah, mencakup 19.6% daripada hutang luar Malaysia. Sekalipun terdapat kenaikan dalam hutang luar pada tahun 2002, sebahagian besar daripada hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan diperolehi daripada sumber-sumber dalam negeri (78%).

Jumlah **hutang** terkumpul Kerajaan Persekutuan meningkat dengan sederhana sebanyak 13.2%

Jadual 2.15
Kewangan Kerajaan Negeri Yang Disatukan

	2001	2002*a*	2003 Belanjawan
	RM juta		
Hasil	8,312	9,477	9,452
Sumber-sumber negeri	*6,867*	*7,191*	*7,159*
Pemberian dan pindahan Persekutuan	*1,445*	*2,286*	*2,293*
Perbelanjaan	5,305	5,386	6,478
Lebihan semasa	**3,007**	**4,091**	**2,974**
% daripada KDNK	**0.9**	**1.1**	**0.8**
Perbelanjaan pembangunan	4,704	5,549	5,538
Perbelanjaan pembangunan kasar	*4,870*	*5,735*	*5,722*
Tolak: Bayaran balik pinjaman	*166*	*186*	*184*
Imbangan keseluruhan	**-1,697**	**-1,458**	**-2,565**
% daripada KDNK	**-0.5**	**-0.4**	**-0.7**
Sumber-sumber pembiayaan:			
Pinjaman Persekutuan	549	626	650
Harta boleh jual[1]	1,148	832	1,914
Jumlah	**1,697**	**1,458**	**2,565**

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul.
a Anggaran

Sumber: Kerajaan-kerajaan negeri

kepada RM165 bilion atau 45.6% daripada KDNK. Pinjaman bersih dalam negeri yang lebih rendah telah mengakibatkan penurunan bahagian hutang dalam negeri yang terkumpul sebanyak 36.3% daripada KDNK pada akhir tahun 2001 kepada 35.6% daripada KDNK pada akhir tahun 2002. Secara keseluruhannya, khidmat hutang Kerajaan terus kekal pada tahap yang berhemat. Nisbah khidmat hutang kepada perbelanjaan mengurus dan hasil kekal rendah masing-masing pada 14.1% dan 11.6% pada tahun 2002. Nisbah khidmat hutang luar negara Kerajaan Persekutuan turut kekal rendah pada 1%. Pengurusan hutang yang aktif juga mengurangkan pembayaran balik kebanyakan hutang pada masa yang sama dengan kira-kira 60% daripada hutang mempunyai kematangan melebihi tiga tahun. Sebilangan besar daripada pinjaman juga adalah pada kadar faedah tetap. Ini mengurangkan pendedahan kepada sebarang kenaikan kadar faedah yang ketara.

Kerajaan Negeri

Berdasarkan anggaran awal, kedudukan kewangan kerajaan negeri yang disatukan mencatat lebihan akaun semasa yang lebih tinggi. Perolehan hasil yang dicatatkan adalah lebih baik, sementara perbelanjaan mengurus meningkat dengan sederhana. Oleh kerana perbelanjaan pembangunan juga lebih tinggi, kedudukan kewangan kerajaan negeri yang disatukan mencatat defisit keseluruhan yang lebih kecil pada 0.4% daripada KDNK pada tahun 2002. Keseluruhan defisit tersebut dibiayai melalui pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan penggunaan aset kewangan terkumpul kerajaan negeri.

Pada tahun 2002, hasil lebih tinggi kerajaan negeri yang disatukan diperoleh daripada sumber-sumber negeri dan Kerajaan Persekutuan. Harga komoditi yang ketara lebih tinggi terutamanya bagi minyak sawit mentah dan kayu balak memberi kesan yang positif ke atas sumber hasil kerajaan negeri. Sementara itu, perolehan daripada sumber Kerajaan Persekutuan juga lebih tinggi untuk membantu kerajaan negeri menyediakan infrastruktur dan kemudahan penting bagi menyokong proses perbandaran negeri-negeri yang kian pesat. Peningkatan perbelanjaan mengurus mencerminkan terutamanya pembayaran gaji yang lebih tinggi berikutan penyemakan semula gaji kakitangan awam, di samping pembayaran bekalan dan perkhidmatan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan ditumpukan kepada pengembangan dan peningkatan taraf kemudahan awam, projek bekalan air, infrastruktur, perumahan, pertanian dan pembangunan luar bandar.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Perusahaan awam bukan kewangan (PABK) terus memainkan peranan penting dalam ekonomi, terutamanya pembangunan sumber asli dan peruntukan kemudahan awam. Berdasarkan anggaran awal, kedudukan kewangan keseluruhan 36 buah PABK terus mencatatkan lebihan keseluruhan. Hasil PABK yang disatukan meningkat sebanyak 5.3% kepada RM110.6 bilion, berpunca daripada peningkatan perolehan daripada sektor

Jadual 2.16
Kewangan PABK yang Disatukan[1]

	2000	2001	2002*a*
	RM juta		
Hasil	115,419	105,075	110,634
Perbelanjaan semasa	71,725	65,392	72,811
Akaun semasa	**43,694**	**39,683**	**37,823**
% daripada KDNK	**12.8**	**11.9**	**10.5**
Perbelanjaan pembangunan[2]	23,360	24,032	27,572
Imbangan keseluruhan	**20,334**	**15,651**	**10,250**
% daripada KDNK	**5.9**	**4.7**	**2.8**

[1] Merujuk kepada 36 buah PABK.
[2] Termasuk geran daripada Kerajaan Persekutuan.
a Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan perusahaan awam bukan kewangan

telekomunikasi dan utiliti serta sektor berasaskan pertanian dan pembinaan. Walau bagaimanapun, lebihan keseluruhan yang lebih kecil telah dicatatkan iaitu sebanyak RM10.3 bilion atau 2.8% daripada KDNK, disebabkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang lebih tinggi. Pelaksanaan beberapa projek pembangunan pada tahun tersebut menyebabkan perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi. Pada masa yang sama, pengeluaran yang lebih tinggi perbelanjaan mengurus turut mencerminkan kos minyak yang lebih tinggi ekoran daripada penggunaan minyak alternatif, serta penstrukturan semula organisasi yang berterusan bagi meningkatkan perkhidmatan.

Perbelanjaan pembangunan PABK yang lebih tinggi telah disalurkan kepada pengembangan kapasiti dan peningkatan produktiviti untuk memperbaiki kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam, di samping peningkatan pelaburan luar negara untuk meningkatkan kapasiti bagi menjana hasil. Khususnya, perbelanjaan pembangunan oleh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Telekom Malaysia Berhad (Telekom) dan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. adalah lebih tinggi. Pada tahun tersebut, PETRONAS terus membuat pelaburan dalam aktiviti huluan dan hiliran, termasuk peningkatan taraf loji Gas Asli Cecair Malaysia 1 dan 2 di Bintulu. Projek utama yang lain termasuklah pembangunan kampus tetap Universiti Teknologi PETRONAS di Tronoh, Perak dan penambahan kapal tangki oleh *Malaysia International Shipping Corporation* bagi memenuhi peningkatan eksport LNG di masa depan. PETRONAS juga terus mengembangkan pelaburan luar negaranya pada tahun tersebut, termasuk projek carigali dan pengeluaran minyak di Chad, Vietnam, Mesir dan Sudan.

Sebahagian besar daripada perbelanjaan modal Telekom adalah untuk peningkatan taraf dan kapasiti bagi meningkatkan infrastruktur telekomunikasi. Pada tahun 2002, Telekom turut mempelbagaikan aktiviti untuk mengukuhkan perniagaan terasnya melalui pengambilalihan Celcom (Malaysia) Berhad. Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga telah meneruskan pengembangan kapasiti dan peningkatan taraf infrastruktur seperti penjanaan, transmisi dan pembahagian bekalan elektrik untuk memenuhi permintaan yang lebih tinggi oleh sektor komersil dan industri, di samping pengguna kediaman. Projek-projek utama meliputi Stesen Janakuasa Janamanjung, Projek Penukaran ke Sistem Kitar Padu Gelugor dan Penyambungan Grid Timur Barat. Perbelanjaan pembangunan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. adalah terutamanya untuk pusat pentadbiran baru di Putrajaya.

Perbelanjaan pembangunan PABK dibiayai terutamanya oleh dana yang dihasilkan daripada sumber dalaman. Pada tahun 2002, pembayaran bersih hutang luar negara oleh perusahaan awam berjumlah RM3.3 bilion. Dengan itu, jumlah hutang luar negara terkumpul perusahaan awam lebih rendah pada RM64.3 bilion atau 17.8% daripada KDNK untuk mencakupi bahagian yang lebih kecil daripada hutang luar negara (34.7%). Khidmat hutang kekal rendah dengan nisbah khidmat hutang sebanyak 2.4%.

Pada tahun 2002, Kerajaan telah meneruskan projek penswastaannya dengan lebih selektif. Projek-projek yang dipilih adalah berdasarkan keupayaan dan kesan pengganda untuk mendorong pertumbuhan ekonomi. Hanya satu projek baru dan satu projek sedia ada telah diswastakan pada tahun tersebut. Projek baru yang diswastakan adalah bagi pembinaan kompleks logistik untuk ibu pejabat polis Selangor, dan kediaman pasukan polis di Ipoh dan Shah Alam, manakala projek sedia ada yang diswastakan adalah aktiviti pracetak, reka bentuk percetakan dan pemasaran Dewan Bahasa dan Pustaka.